



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PENAJAAN JICA LONG TERM TRAINING SDGS GLOBAL LEADER 2025

Japan International Cooperation Agency (JICA) telah membuka permohonan penajaan di bawah **JICA Long Term Training SDGs Global Leader 2025** kepada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) untuk mengikuti **pengajian Sarjana dan Ph.D di Jepun**.

Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku *nominating agency* bagi program ini mempelawa pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat dan memenuhi syarat seperti di **LAMPIRAN A** untuk **memohon penajaan tersebut melalui Ketua Jabatan dan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** masing-masing.

Pegawai P&P yang berminat dan berkelayakan boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal **bmipenajaan.jpa.gov.my** bermula **8 hingga 29 Oktober 2024**. Borang permohonan yang telah dilengkapkan secara dalam talian tersebut hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan PPSM masing-masing berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Semua permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan dan diperaku oleh PPSM hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **selewat-lewatnya pada 1 November 2024** sama ada melalui serahan tangan / pos melalui alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)

Maklumat terperinci berhubung tatacara permohonan / pencalonan bagi program ini adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Sila hubungi talian **03-88853053** atau **e-mel: penawaranldp@jpa.gov.my** untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung penajaan ini.

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
8 Oktober 2024